

## STPM Kertas 1 Set KVK 2: Soalan 5

- (a) Apakah maksud akaun tergantung? (1 markah)
- (b) Perniagaan Mesra Selalu yang dimiliki oleh Puan Salmah merekod semua urusan niaga secara manual di buku-buku perakaunannya. Puan Salmah telah merungut mengenai banyak kesilapan yang berlaku dalam proses perekodan urusan niaga dan ingin mengetahui bagaimana untuk membetulkan kesilapan-kesilapan, terutamanya kesilapan ketara, tersebut.

**Dikehendaki:**

Jelaskan bagaimana kesilapan ketara akan diperbetulkan apabila kesilapan tersebut telah dikesan pada titik masa berikut:

- (i) Sebelum penyediaan imbalan duga
- (ii) Selepas penyediaan imbalan duga dengan akaun tergantung diwujudkan.
- (iii) Selepas penyediaan penyata kewangan dengan akaun tergantung di penyata kedudukan kewangan. (5 markah)
- (c) Berikut adalah draf penyata kedudukan kewangan Perniagaan Keshine yang menyimpan rekod perakaunannya secara manual:

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2020			
	RM		RM
<b>Aset bukan semasa</b>		<b>Ekuiti pemilik</b>	
Kenderaan pada kos	68,400	Modal awal	28,658
Susut nilai terkumpul	(32,280)	Untung bersih	26,034
		Ambilan	(6,800)
<b>Aset semasa</b>			
Inventori	8,600	<b>Liabiliti bukan semasa</b>	
Akaun belum terima bersih	12,672	Pinjaman	10,000
Insurans prabayar	240		
Bank	7,468	<b>Liabiliti semasa</b>	
		Akaun belum bayar	4,825
		Gaji belum bayar	684
		Akaun tergantung	1,699
	65,100		65,100

Kerani akaun perniagaan ini telah mengesan kesilapan dan ketinggalan berikut selepas menyediakan draf penyata kedudukan kewangan di atas:

1. Bil air yang diterima pada akhir bulan Mei 2020 berjumlah RM98 telah tertinggal daripada perekodan di buku perakaunan.
2. Sebuah kenderaan lama telah dijual pada harga RM850 pada bulan Mac 2020. Hasil jualan ini telah direkod sebagai jualan tunai dalam buku perniagaan. Kos kenderaan yang dijual adalah RM12,800 dan susut nilai terkumpulnya yang direkodkan sehingga tarikh jualan berjumlah RM11,340.
3. Ambilan barang niaga pada harga jualan RM2,400 telah direkodkan di akaun ambilan pada harga jualan dan direkodkan pada harga kos di akaun belian. Perniagaan ini mempunyai tokokan atas kos bagi semua barang niaganya sebanyak 28%.
4. Inventori akhir termasuk kos inventori yang telah dijual dan direkod tetapi disimpan di stor atas arahan pelanggan. Harga jualan inventori ini adalah RM768.
5. Kerani akaun telah tersilap kira insurans prabayar. Lantaran ini, belanja insurans telah terlebih catat sebanyak RM120.
6. Polisi peruntukan hutang ragu perniagaan ini adalah 5% atas baki akaun belum terima. Pada akhir tahun kewangan ini, kerani akaun telah menyelaraskan pengurangan dalam peruntukan hutang ragu pada kadar 4% atas baki akhir akaun belum terima.
7. Faedah atas pinjaman sebanyak RM260 telah dibayar dan direkodkan di akaun bank sahaja.
8. Diskaun diberi sebanyak RM84 telah dikreditkan di akaun diskaun diterima. Catatan debit telah dibuat dengan betul.

**Dikehendaki:**

- (i) Sediakan catatan jurnal untuk merekod setiap kesilapan dan ketinggalan yang diberikan di atas.  
(10 markah)
- (ii) Sediakan semula draf penyata kedudukan kewangan selepas semua pembetulan kesilapan dan ketinggalan diambil kira.  
(4 markah)